

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 24 JULAI 2018 (SELASA)

SOALAN : 19

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penjimatan kos dan faedah pembubaran Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan penggantiannya dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kementerian Pengangkutan (MOT) adalah merupakan satu agensi Kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan untuk membentuk dasar, melaksanakan pembangunan dan mengawal selia sektor pengangkutan dalam negara ini. Dalam hal ini, sektor pengangkutan ini termasuklah aspek pengangkutan awam darat yang mana jika dipisahkan maka akan menyumbang kepada kelemahan dalam aspek perancangan keseluruhan oleh Kementerian.

Bagi memastikan kelancaran dan kesinambungan, koordinasi, konsistensi dan penyepaduan pelaksanaan pembangunan dasar, peraturan, penguatkuasaan dan kawal selia, maka adalah lebih menguntungkan agar fungsi pembangunan dan kawal selia pengangkutan awam darat yang sebelum ini dilaksanakan oleh SPAD diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan.

Selain daripada itu, pembubaran SPAD dan pengambilalihan fungsinya oleh agensi-agensi di bawah MOT akan dapat menyumbang kepada penjimatan peruntukan kewangan Kerajaan kerana didapati fungsi yang dilaksanakan oleh SPAD boleh dilaksanakan oleh agensi dan pegawai Kerajaan tanpa perlu diperbadankan. Walau bagaimanapun, jumlah penjimatan kos masih tidak dapat ditentukan kerana proses struktur semula masih belum dimuktamadkan.